

KKTP:100-4/16/(13)

08 November 2004

Mayor
Dewan Bandaraya Kota Kinabalu

Presiden
Majlis Perbandaran Sandakan

Presiden
Majlis Perbandaran Tawau

Pesuruhjaya
Lembaga Bandaran Kudat

Pegawai Kerja
Majlis-Majlis Daerah,
KUALA PENYU, SIPITANG, NABAWAN, TAMBUNAN, KENINGAU, TENOM,
KOTA BELUD, RANAU, TUARAN, PENAMPANG, KUNAK, LAHAD DATU,
KOTA MARUDU, SEMPORNA, KINABATANGAN, LABUK
SUGUT/BELURAN, BEAUFORT DAN PAPAR

SURAT PEKELILING (AKAUN) BIL.5/2004-
PELAKSANAAN SURAT PEKELILING JABATAN AKAUNTAN NEGARA
MALAYSIA, CAWANGAN KOTA KINABALU, RUJUKAN ANM(K)SBH.8
JLD.II(72) - PEMBAYARAN SECARA ELECTRONIC FUND TRANSFER (EFT)
MELALUI BAUCAR BAYARAN MANUAL (EFT BB MANUAL)

1. TUJUAN

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) tentang Pelaksanaan Surat Pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Kota Kinabalu, rujukan ANM(K)SBH.8 Jld II(72) bertarikh 20 Oktober 2004.

2. LATARBELAKANG

Selaras dengan keputusan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan bahawa bermula pada **01 Januari 2005 (Tahun Kewangan 2005)**, semua bayaran hendaklah dibuat melalui 'Electronic Fund Transfer'.

(- 2 -)

3. KAEDAH PELAKSANAAN

- 3.1 Sila mematuhi **Perenggan 3.1 hingga 3.4** dalam surat pekeliling Jabatan Akauntan Negara Malaysia, Cawangan Kota Kinabalu, rujukan ANM (K) SBH.8 Jld.II(72) sepenuhnya.
- 3.2 PBT dikehendaki memastikan nombor akaun yang diberikan adalah tepat supaya tidak berlaku pembayaran yang ditolak oleh Bank. Sila sertakan **salinan penyata Akaun Bank** atau **Buku Simpanan Bank** (Salinan pertama yang menunjuk nama Pemegang akaun dan nombor akaun) dengan baucar bayaran. Semua salinan mesti disahkan benar.
- 3.3 Sila sahkan dengan penerima samaada akaunnya adalah di bawah **Sistem Perbankan Islam (SPI)** yang diperuntukkan Nombor Siri Bank yang lain. Misalnya:-
 - 3.3.1 Nombor 64 adalah bagi Alliance Bank (M) Berhad dan nombor 65 untuk Alliance Bank Berhad-SPI dan
 - 3.3.2 Nombor 59 adalah bagi Malayan Banking dan nombor 60 untuk Malayan Banking-SPI.

4. PENUTUP

Sekiranya terdapat sebarang kemuskilan sila hubungi **Cik Phak Shiu Len** atau **Puan Nolizah Ag. Ahmad** melalui No. Tel. 088-256744.

Sekian, harap maklum.

BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH

[DATUK UJANG SULANI]
Setiausaha Tetap